



ZAMHAR (tiga kanan) dan Ismet (tiga kiri) bersama pelatih ILP Labuan yang mengadakan lawatan industri ke UMS Labuan.

Pelatih ILP perlu bersedia hadapi Industri 4.0

UB 27-9-2017 A6

LABUAN: Pelatih Institut Latihan Perindustrian (ILP) Labuan dan mahasiswa institusi pengajian tinggi (IPT) perlu bersedia menghadapi ledakan Industri 4.0.

Timbalan Dekan (Akademik dan Hal Ehwal Pelajar), Fakulti Komputeran dan Informatik (FKI) Dr Zamhar Iswandono Ismail menekankan perkara itu ketika menyampaikan taklimat mengenai FKI kepada pelatih ILP Labuan yang mengadakan lawatan sambil belajar ke UMS Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) pada Isnin.

Beliau menasihatkan mahasiswa UMSKAL dan pelatih ILP supaya belajar bersungguh-sungguh bukan sahaja cemerlang dalam akademik tetapi juga berupaya bersaing dengan graduan lain selepas menamatkan pengajian kelak.

“Persaingan dalam dunia

kerjaya semakin mencabar tambahan lagi negara sedang menuju ke aras Industri 4.0. Mahasiswa UMSKAL dan pelatih ILP Labuan seharusnya merebut ruang dan peluang yang disediakan agar mereka tidak ketinggalan dalam arus pemodenan negara,” katanya.

Seramai 11 pelatih ILP Semester Dua yang mengambil Kursus Teknologi Komputer Sistem menyertai lawatan industri itu sebagai pendedahan mengenai pembelajaran dan pengajaran di UMS Labuan.

Rombongan ILP itu turut disertai dua Penolong Pegawai Latihan Vokasional Mohd Hafez Mohd Khalid dan Nizam Enduny @ Arrifin yang juga tenaga pengajar di ILP Labuan.

Turut menyampaikan taklimat ialah Ketua Sektor Teknologi Maklumat dan Komunikasi (STMK)

Ismatzulfikar Ahmad Shaffee dan Penolong Pegawai Tadbir, Sektor Pentadbiran Mohizam Mohamad yang menyampaikan taklimat mengenai pentadbiran UMS Labuan.

Sementara itu, Mohd Hafez berkata lawatan itu bertujuan memberi pendedahan dan gambaran awal persekitaran industri kepada pelajar sebelum menjalani latihan industri dan memasuki alam pekerjaan.

Selain itu, untuk mempelajari sistem dan perkakasan yang dignakan di makmal teknologi maklumat.

“Lawatan itu juga untuk menjalin kerjasama dua hala antara ILP Labuan dengan UMS Labuan. Kami berharap pelatih dapat mempelajari sesuatu yang baharu mengenai keselamatan ICT yang digunakan,” katanya.